

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1993/94

Oktober/November 1993

RMT 554 - Pengurusan Projek III

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT Soalan Sahaja.

1. a) "Projek Kuala Lumpur City Centre (KLCC) merupakan satu-satunya Projek pembangunan hartanah yang terbesar di-Malaysia, melibatkan sejumlah RM3.5 billion di dalam perbelanjaan serta menggunakan teknologi-teknologi binaan bangunan yang terkini."

Bincangkan ulasan tersebut di atas dengan kaitan terhadap proses pembangunan hartanah didalam konteks sesuatu projek 'mega' serta kaitkan dengan jelas bagaimana penglibatan Pengurus-Pengurus Projek boleh memunafaatkan projek tersebut.

- b) Secara ringkas, huraikan faktor-faktor yang akan mempengaruhi secara berkesan kos-kos projek tersebut.

(25 markah)

2. a) Sebagai seorang Pengurus Projek suatu organisasi pembinaan yang baru ditubuh, anda dikehendaki menyediakan suatu laporan kepada Lembaga Pengarah tentang proses-proses dan kegiatan-kegiatan pembinaan dengan mengambilkira ciri-ciri hierarkinya; kenalpasti dengan jelas dimana tumpuan pengurusan atasan seharusnya dibuat.

- b) Sekiranya organisasi tersebut bercadang untuk 'sub-Contract' bahagian-bahagian utama sesuatu projek yang telah berjaya diperolehi, dengan ringkas huraikan pendekatan yang harus dibuat oleh seorang Pengurus Projek tentang pengurusan 'sub-contractors'.

(25 markah)

3. a) "Pengurusan risiko didalam pembinaan melibatkan pengenalan-pastian risiko-risiko ekonomi sesuatu projek, menganalisa risiko-risiko tersebut serta bertindak balas terhadap mereka untuk menghasilkan suatu pendekatan pengurusan projek yang rasional".

Bincangkan.

- b) Sarankan suatu model proses pembinaan yang sesuai iaitu daripada tahap insepasi sehingga tahap kedudukan (occupancy) yang relevan kepada industri binaan di Malaysia dan catatkan dengan jelas sumbangan-sumbangan utama Pengurus Projek didalam proses tersebut.

(25 markah)

4. a) Sebagai seorang Pengurus Projek untuk suatu organisasi yang akan memajukan projek padang golf 36 lubang, anda dikehendaki menyediakan suatu laporan untuk Lembaga Pengarah tentang pelbagai kaedah pemerolehan (Procurement) serta tatasusunan kontrak (contractual arrangements) yang terdapat masakini. Terangkan dengan jelas prosedur pemilihan kaedah pemerolehan yang sesuai dan wujudkan suatu garis panduan pengurusan pemerolehan (procurement management) yang 'viable' untuk amalan Lembaga Pengarah.

- b) Dengan ringkas, nyatakan bagaimana penglibatan seseorang Pengurus Projek boleh memastikan bahawa sesuatu projek itu dapat diterima dari segi persekitaran (environmentally acceptable).

(25 markah)

5. a) "Sejauhmana objektif-objektif sesuatu projek itu kurang jelas, rumit, tidak sehaluan dengan strategi-strategi jangka panjang, tidak dikomunikasikan secara tepat, atau pun tidak dipersetujui, maka sememangnya kejayaan projek tersebut akan terjejas."

Bincangkan ulasan tersebut di atas dan kaitkan secara khusus tentang pelbagai faktor-faktor yang mempengaruhi pengurusan projek-projek serta bagaimana penglibatan seseorang Pengurus Projek di tahap awalan projek amat mustahak untuk memastikan kejayaan sesuatu projek itu.

- b) Huraikan bagaimana penggunaan Pengurusan Nilai dapat menghapuskan kos-kos yang tidak dikehendaki (unnecessary costs).

(25 markah)

6. a) Sesetengah firma pembinaan maju dengan penampilan imej yang bersangkutan dengan elemen-elemen jahat serta perhubungan dengan pihak-pihak 'underworld'. Huraikan bagaimana sesuatu program perhubungan awam yang efektif dapat dilaksanakan untuk memasarkan serta meningkat imej firma-firma sedemikian secara positif.
- b) Bincangkan tentang rintangan-rintangan komunikasi yang boleh menjejaskan pengurusan yang berkesan.

(25 markah)

-ooo0ooo-

